



POLISI GANGGUAN SEKSUAL

MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG

- 1) Majlis Bandaraya Pulau Pinang komited dalam menyediakan persekitaran kerja yang selamat kepada semua kakitangannya, bebas daripada sebarang bentuk diskriminasi dan gangguan di tempat kerja termasuk gangguan seksual. Majlis Bandaraya Pulau Pinang akan melaksanakan dasar toleransi sifar terhadap sebarang bentuk gangguan seksual di tempat kerja, mengambil serius setiap insiden dan menyiasat semua aduan gangguan seksual dengan segera. Mana-mana individu yang didapati melakukan gangguan seksual akan dikenakan tindakan tatatertib, sehingga dibuang kerja. Semua aduan gangguan seksual akan dipandang serius dan dilayan dengan penuh rasa hormat dan sulit. Tiada sesiapa yang akan menjadi mangsa sekiranya membuat aduan sedemikian.
- 2) Sesiapa sahaja boleh menjadi mangsa gangguan seksual tanpa mengira jantina mereka atau jantina pelaku gangguan. Majlis Bandaraya Pulau Pinang sedar bahawa gangguan seksual juga boleh berlaku antara sesama jantina. Yang penting adalah kelakuan seksual itu tidak diingini dan tidak disenangi oleh individu yang menjadi sasaran terhadap kelakuan tersebut.
- 3) Majlis Bandaraya Pulau Pinang sedar bahawa gangguan seksual seringkali dianggap sebagai manifestasi kuasa dan sering berlaku dalam hubungan yang tidak sama rata di tempat kerja. Sesiapa sahaja termasuk kakitangan Majlis Bandaraya Pulau Pinang, pelanggan, kontraktor atau pelawat yang melakukan gangguan seksual terhadap orang lain akan dikenakan tindakan selaras dengan dasar dalaman ini.
- 4) Semua bentuk gangguan seksual adalah dilarang sama ada berlaku di dalam organisasi Majlis Bandaraya Pulau Pinang atau di luar, termasuk dalam acara sosial, lawatan kerja, sesi latihan atau program anjuran Majlis Bandaraya Pulau Pinang.
- 5) Majlis Bandaraya Pulau Pinang akan memastikan bahawa dasar ini akan disebarluaskan secara meluas kepada semua kakitangan. Semua kakitangan baharu Majlis Bandaraya Pulau Pinang perlu diberi latihan mengenai kandungan dasar ini sebagai sebahagian daripada modul Program Transformasi Minda (PTM) di Majlis Bandaraya Pulau Pinang.
- 6) Pelanggaran dasar ini merupakan satu kesalahan di bawah Kaedah 10A (1) dan Kaedah 10A (2) Kaedah-Kaedah Pekerja (Kelakuan dan Tatatertib) Majlis Perbandaran Pulau Pinang 2000 (Pindaan 2021) dan boleh dikenakan tindakan tatatertib.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Rajendran".

DATO' IR. RAJENDRAN P. ANTHONY
Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Pulau Pinang
Berkkuatkuasa : 28 JULAI 2025